

SOALAN NO: 497

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
RUJUKAN : BL13 [PR-1343-T76771]
SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan butiran mengenai projek pembinaan blok 9 tingkat di Lot 480776, Seri Pantai Mukim, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, kelulusan Perintah Pembangunan (D.O.) telah dikeluarkan pada 5 September 2016 oleh pihak DBKL bagi projek Cadangan Membina 1 Blok 9 Tingkat Bangunan Serbaguna yang mengandungi:

- i) 1 unit kedai serbaguna, 21 unit gerai penjaja dan ruang makan terbuka di aras bawah;
- ii) tempat letak kereta di aras 1 hingga aras 7 (370 ruang tempat letak kereta); dan
- iii) gelanggang futsal dan dewan serbaguna di aras 8.

Serta kemudahan-kemudahan lain di atas sebahagian Lot 480776, Seri Pantai, Mukim Kuala Lumpur, Kuala Lumpur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN : 498

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kandungan maklumat data radar syarikat senjata Russia, Almaz Antey mengenai kes nahas MH17 dan apakah dapatan atau kesimpulan Akhir Kerajaan Malaysia dalam laporan kes ini.

JAWAPAN

Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Joint Investigation Team* (JIT) telah menerima imej-imej radar dari Persekutuan Russian dan juga Ukraine mengenai nahas penerbangan MH17. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk JIT menentukan bahawa imej-imej radar yang diterima daripada Russia adalah dari syarikat senjata Rusia, Almaz Antey atau sebaliknya. Namun begitu, kesemua imej data radar yang diterima adalah mencukupi dan sangat penting dalam mencapai satu keputusan.

Sekiranya JIT kelak menerima maklumat data radar dari Almaz Antey atau imej-imej primer radar dari Persekutuan Russia seperti dilaporkan pada 24 September 2016, JIT akan menyiasat keterangan tersebut.

Berhubung dapatan atau kesimpulan akhir Kerajaan Malaysia dalam laporan kes ini, buat masa ini, siasatan berhubung pelaku-pelaku jenayah nahas pesawat MH17 sedang dijalankan oleh JIT. Setakat ini, JIT telah mengenalpasti kira-kira 100 orang yang boleh dikaitkan dengan nahas pesawat MH17 atau terlibat dalam mengangkut kelengkapan BUK ke lokasi pelancaran. Oleh yang demikian, sebarang kesimpulan yang akan dibuat akan hanya diputuskan setelah siasatan berhubung nahas pesawat MH17 selesai dan setelah mendapati keterangan yang mencukupi untuk membawa pelaku atau pelaku-pelaku jenayah ke muka pengadilan.